



16 29.05.2012 B3

TINGGAL beberapa hari lagi negara kita akan menyambut satu peristiwa keramat yang sepatutnya diingati dan dikenang oleh setiap warganegara sejati tanpa mengira agama, bangsa, atau warna kulit iaitu hari kemerdekaan. Saban tahun kita menyambut tarikh tersebut dengan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dan disusun dengan begitu rapi dan menarik agar generasi sekarang memperingatinya dan bersyukur dengan keamanan yang dikecapi sejak kita merdeka pada 31 Ogos 1957. Walaupun terdapat segelintir individu atau kumpulan yang cuba mengajak kita untuk membuat analisis semula atau menyemak kembali sejarah negara kita khususnya isu kemerdekaan negara kita ini, namun hakikatnya nilai kemerdekaan yang kita kecapai pada hari ini adalah hasil daripada perjuangan kudrat, akal fikiran, pena, darah, dan sebagainya yang tidak terbayang dek mata dan tak terfikir dek kepala, apatah lagi merasai cabaran dan dugaannya. Penulis tidak bercadang untuk mengupas dan membahaskan isu tersebut kerana sesiapa sahaja mempunyai pandangan tersendiri berdasarkan kajian dan maklumat yang diperoleh. Di ruangan ini, penulis ingin mengajak pembaca khususnya golongan yang berstatus pendidik, tidak kira apa jua gelarannya sama ada cikgu, guru, ustaz, sifu, pensyarah, sir, teacher, dan lain-lain untuk cuba membuka fikiran dan kotak minda memikirkan aspek kemerdekaan sejati bagi golongan pendidik. Seorang pendidik sejati seharusnya mampu memerdekakan dirinya daripada belenggu materialistik dalam melaksanakan tugas seharian khususnya ketika menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran di dalam kelas. Tidak dapat dinafikan bahawa kita telah dijajah beratus tahun dan penjajah yang sememangnya zalim dan angkuh itu mahukan kita berfikiran materialistik seperti mana mereka. Kerana sifat ketamakan materialistik dan fakirnya nilai kemanusiaan ini, mereka tanpa segan silu menjajah di merata tempat di dunia ini. Justeru sekiranya seseorang pendidik itu selalu berkira dalam melaksanakan tugasnya, khususnya asyik menuntut insentif materialistik dalam apa jua pekerjaan yang dilakukan, maka tiada bezanya kita dengan golongan penjajah bongkak yang hidup mereka

Guru yang merdeka

menjadi hamba kepada kebendaan semata-mata. Tiada salahnya bekerja untuk mencaai nafkah bagi menyara kehidupan sendiri atau keluarga, namun biarlah pendapatan yang diperoleh benar-benar bersih dan ada keberkatannya. Aspek integriti dan akauntabiliti hendaklah diutamakan apatah lagi sekiranya seseorang pendidik itu memegang jawatan-jawatan yang memungkinkan mereka terjerumus dalam perangkap lintah darat yang bijak mengambil peluang dan dahagakan urusan-urusan yang boleh memberikan keuntungan berlipat ganda dengan mengeksploitasi dana kerajaan. Kita mungkin boleh menipu sesiapa sahaja ketika melaksanakan tugas yang diamanahkan, tetapi kita mungkin mampu untuk menipu diri kita sendiri dan Allah SWT yang maha mengetahui setiap perbuatan hambaNya. Seterusnya seorang pendidik sejati sepatutnya boleh memerdekakan diri daripada sifat ego dan mementingkan diri sendiri. Ini juga sifat yang dimiliki oleh para penjajah durjana yang hanya meletakkan kepentingan sendiri tanpa memikirkan kepentingan orang lain walaupun golongan yang lebih lemah dan berkeperluan daripada mereka. Sifat ego yang asyik merasakan diri sendiri adalah betul, tanpa mahu mendengar pandangan orang lain, apatah lagi mengiktiraf sumbangan yang diberikan oleh individu yang mereka rasakan menjadi saingan kepada mereka. Ingatlah bahawa sebagai insan, kita dinilai berdasarkan nilai kemanusiaan yang menjadi darah daging kita, dan bukannya nilai selain nilai tersebut seperti nilai kehaiwanan. Pepatah Melayu ada mengatakan 'harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama', maka seharusnya kita ingat bahawa setinggi mana pun pangkat, kuasa, atau gelaran yang dimiliki akan kita tinggalkan juga suatu hari nanti. Maka, biarlah perginya kita meninggalkan dunia yang fana ini diiringi doa dan tangisan sedih oleh rakan seperjuangan. Bukannya perginya kita diiringi dengan senyuman dan rasa lega di dada oleh rakan dan juga musuh. Alangkah baiknya sekiranya seseorang pendidik itu boleh bertoleransi, mudah dibawa berbincang, berlapang dada, dan selalu berbaik sangka sama ada kepada rakan sekerja ataupun para pelajaranya. Namun apa yang mendukacitakan, terdapat juga pendidik khususnya

apabila telah memiliki kelulusan yang tinggi menjadi lupa diri dan apabila berhadapan dengan pelajar, bertukar watak seolah-olah mereka tidak pernah melalui zaman belajar. Ingatlah sekiranya kita memudahkan urusan manusia di dunia ini, insyaAllah akan dipermudahkan juga urusan kita di dunia dan di akhirat nanti. Sememangnya terdapat persaingan dalam kalangan pendidik di mana-mana institusi pendidikan, namun biarlah persaingan tersebut adalah persaingan yang sihat dan memberikan manfaat kepada setiap warga dan organisasi. Sebagai contoh, apabila kita melihat rakan sekerja dinaikkan pangkat atau mendapat sebarang bentuk pengiktirafan, maka seharusnya rakan-rakan sekerja lain menjadikannya sebagai model dan memberikan motivasi serta pembakar semangat untuk kita bekerja dengan lebih gigih. Bukannya kita menuding jari menyalahkan pihak tertentu yang memberi pengiktirafan tersebut, dan seterusnya mewujudkan kumpulan-kumpulan untuk memboikot atau menjejaskan perjalanan sesuatu organisasi. Namun sekiranya terbukti berlaku ketidakadilan, pelbagai tindakan yang mengikut peraturan boleh diambil untuk menuntut hak tersebut tanpa memberi impak negatif kepada keseluruhan organisasi. Hakikatnya segala isu dan permasalahan yang diutarakan di atas adalah bertitik tolak daripada musuh utama bagi setiap anak cucu Adam iaitu hawa nafsu kita sendiri. Oleh yang demikian, seorang pendidik seharusnya mampu memerdekakan diri daripada menjadi hamba abdi kepada hawa nafsu yang sememangnya selalu mengajak kita kepada perbuatan yang negatif dan ke arah kehancuran. Tidak dinafikan, bukannya mudah untuk memerdekakan diri kita daripada belenggu sifat dan pemikiran negatif atau 'mazzumah', namun sekiranya akal fikiran dan hati serta ruh kita dilatih untuk sentiasa berfikiran positif dan berakhlak mulia, tidak mustahil untuk menundukkan elemen kejahatan dalam diri hingga ke akar umbinya. Di kala itu, baharulah kita dapat memerdekakan diri daripada segala pemikiran dan amalan-amalan yang tidak sepatutnya dimiliki oleh seorang pendidik sejati. Merdeka! Merdeka! Merdeka!

* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, UMS